

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah rumah transit yang telah dibina atau diputuskan untuk dibina untuk keluarga mangsa banjir yang kehilangan rumah di Kelantan, Terengganu dan Pahang.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memulihkan keadaan mangsa yang terlibat dengan kejadian banjir pada tahun 2014 terutamanya kepada mereka yang mengalami kemusnahan dan kerosakan rumah, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan program pembinaan rumah kekal baru dan program pembaikan rumah.

Pembinaan rumah transit dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberi kemudahan tempat tinggal sementara kepada mangsa-mangsa banjir sementara menantikan rumah kekal baru atau pembaikan ke atas rumah mereka yang sedia ada siap.

Sehingga 13 Mac 2015, sebanyak 270 buah rumah transit telah siap dibina sementara 32 buah lagi sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan menjadikan keseluruhan jumlah rumah transit sebanyak 302 buah. Kesemua rumah transit ini dibina di Kelantan.

Sekian. Terima kasih.